DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK PERKUKUH AGENDA KEBAJIKAN BANDAR, DBKL HARGAI SUMBANGAN 33 NGO DAN RAKAN KOMUNITI

Menangani isu sosial di ibu kota memerlukan lebih daripada penyediaan bantuan, sebaliknya menuntut kerjasama bersepadu, tindakan berterusan dan komitmen bersama bagi memastikan golongan rentan mendapat akses kepada perlindungan serta sokongan yang sewajarnya.

Menyedari kepentingan tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Majlis Apresiasi Rakan Strategik Komuniti Kuala Lumpur di Hotel Concorde Kuala Lumpur sebagai pengiktirafan terhadap peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan sektor swasta dalam memperkukuh kesejahteraan sosial warga kota. Majlis tersebut dihadiri oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan YBhg. Datuk Seri TPr Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sebanyak 33 NGO diraikan atas sumbangan mereka dalam membantu pengurusan dan kebajikan golongan gelandangan serta komuniti yang memerlukan, merangkumi penyediaan makanan, pakaian, barangan keperluan asas, perkhidmatan kesihatan, sokongan mental, bimbingan dan pendidikan percuma.

Sumbangan ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan pusat-pusat di bawah pengurusan DBKL, termasuk Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku, Pusat Transit Gelandangan Anjung Kembara dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit. Usaha ini bukan sekadar memenuhi keperluan harian, malah menyediakan ruang kepada golongan sasaran untuk mendapatkan sokongan sosial, meningkatkan keupayaan diri dan membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam aspek pengurusan isu sosial, kerjasama rentas agensi menerusi Operasi KL Strike Force: Orang Papa dan Kanak-Kanak turut diberikan pengiktirafan. Operasi ini melibatkan penyelarasan tindakan di lapangan, pengesanan, intervensi dan rujukan kepada agensi berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Pendekatan bersepadu ini penting bagi memastikan bantuan dapat disalurkan berdasarkan keperluan sebenar, khususnya melibatkan aspek kebajikan, perlindungan, kesihatan dan kesejahteraan sosial. Ia turut memperlihatkan kepentingan penyelarasan antara agensi kerajaan dan rakan pelaksana dalam menangani cabaran sosial bandar secara lebih berkesan dan bersasar.

Selain NGO dan agensi kerajaan, DBKL turut merakamkan penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) atas penajaan serta sokongan aktif dalam menjayakan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan. Penglibatan sektor korporat ini membuktikan bahawa perkongsian sumber dan tanggungjawab sosial mampu memperkukuh pelaksanaan inisiatif komuniti serta memperluas manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan masyarakat yang memerlukan.

DBKL melihat kerjasama pelbagai pihak sebagai elemen penting dalam memastikan agenda kesejahteraan sosial dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan. Melalui pendekatan whole-of-society, kepakaran, sumber dan jaringan sokongan daripada pelbagai sektor dapat digembleng bagi menangani isu kemiskinan bandar, keterpinggiran sosial serta keperluan golongan rentan yang semakin kompleks.

Usaha ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG), khususnya pembasmian kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, pengurangan ketidaksamaan serta pembangunan bandar dan komuniti mampan.

DBKL akan terus menggalakkan penyertaan NGO, agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, badan profesional dan individu yang komited dalam pembangunan komuniti Kuala Lumpur. Hubungan strategik yang kukuh bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian bantuan, malah menjadi asas kepada pembentukan ekosistem sokongan sosial yang lebih tersusun dan inklusif.

Penghargaan ini mencerminkan pengiktirafan terhadap setiap sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan kepada masyarakat. Melalui komitmen bersama, usaha memperkukuh kebajikan warga kota dapat diteruskan bagi membina Kuala Lumpur yang lebih prihatin, inklusif dan sejahtera, tanpa meninggalkan sesiapa di belakang.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
23 Oktober 2026
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my